



LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Negeri Perlis** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Pejabat Pengurus Wilayah I, KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis** pada **16 Oktober 2025** sehingga jam **12:00** tengahari.

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
KERJA-KERJA PEMBINAAN STESEN PAM GUNA SEMULA (RECYCLE PUMP) DI BLOK PENGAIRAN ALBD 3 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, PPK A-I ARAU, WILAYAH I, MADA. SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/P/24/ 2025	9 Oktober 2025 (Khamis) Jam 10.00 pagi Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi Berkumpul di Pertubuhan Peladang Kawasan MADA A-I Arau, KM. 11.5, Guar Sanji, 02600 Arau, Perlis. Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE21 dan CE36 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan) dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate -TCC) Berstatus Patuh	RM 10 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	16 Oktober 2025 (Khamis) Jam 12.00 tengahari

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Pejabat Pengurus Wilayah I KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis** mulai **9 Oktober 2025 (Khamis)** sehingga **16 Oktober 2025 (Khamis)** sehingga jam **12.00** tengahari pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera** serta **Sijil Pematuhan Cukai** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.

4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:
 - a. Pembayaran secara tunai ; ATAU
 - b. Pembayaran atas talian

Pembayaran melalui cek tidak akan diterima

6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Pengurus Wilayah I, KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis.** Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : **6/10/2025**

Tandatangan :
Nama
Jawatan


MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF
Pengarah
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA)